

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR  
[ POKOK SENA ]**

**TARIKH : 5 OKTOBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' HAJI MAHFUZ BIN HAJI OMAR** minta **MENTERI KANAN  
PENDIDIKAN** menyatakan:-

- (a) sehingga 5 September 2021 berapa jumlah unit komputer riba yang telah diagihkan; dan
- (b) apakah mekanisme pemilikan bantuan komputer riba kepada murid keluarga B40 adakah dalam bentuk pinjaman yang perlu dipulangkan semula.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, inisiatif Tabung CERDIK seperti yang diluluskan dalam Belanjawan 2021 adalah satu inisiatif pemberian peranti digital kepada 150,000 orang murid B40 yang dilaksanakan oleh Yayasan Hasanah, sebuah yayasan di bawah Khazanah Nasional. CERDIK merupakan satu inisiatif tanggung jawab sosial korporat (CSR) oleh syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) bertujuan menyediakan peranti digital dan pelan data kepada murid B40 yang dikenal pasti.

Yayasan Hasanah menguruskan sumbangan peranti digital termasuk pelan data daripada GLC dan GLIC serta menyelaras penghantaran peranti berkenaan ke Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Peranti digital yang diterima oleh KPM akan terus diagihkan kepada murid B40 yang telah dikenal pasti. Sehingga 3 Oktober 2021, sebanyak 131,907 unit peranti digital dilengkapi dengan pelan data telah diserahkan kepada murid B40 di 1,100 buah sekolah seluruh negara. Manakala, 11,830 unit telah diterima daripada Yayasan Hasanah dan akan diagihkan kepada murid dalam masa terdekat. Baki 6,263 unit lagi akan diagihkan sebaik sahaja diterima daripada Yayasan Hasanah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pemilikan peranti digital CERDIK yang diagihkan kepada murid adalah berbentuk pinjaman. Pendekatan ini bertujuan untuk memastikan peranti digital yang dibekalkan dapat diselenggarakan secara berkala serta dibaiki tanpa membebankan murid sekiranya terdapat sebarang kerosakan. Ini juga dapat memastikan peranti sentiasa dalam keadaan baik dan dapat digunapakai bagi tempoh tiga (3) hingga lima (5) tahun. Murid yang telah tamat sekolah perlu memulangkan peranti digital yang dibekalkan agar dapat diagihkan untuk murid berikutnya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KE-14

**PERTANYAAN** : **LISAN**  
**DARIPADA** : **Y.B. TUAN CHONG CHIENG JEN**  
**[STAMPIN]**  
**TARIKH** : **05 OKTOBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN CHONG CHIENG JEN [ STAMPIN ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah jumlah kutipan cukai syarikat dan cukai pendapatan dalam tahun 2019, 2020 and setakat bulan Ogos 2021 dan berapa jumlah kutipan cukai dari negeri Sarawak.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hasil kutipan cukai pendapatan bagi tahun taksiran 2019 adalah berjumlah 112.8 bilion ringgit. Ia terdiri daripada cukai syarikat sebanyak 70.9 bilion ringgit dan cukai individu sebanyak 41.9 bilion ringgit. Bagi tahun 2020 pula, jumlah kutipan cukai menurun kepada 99.6 bilion ringgit yang terdiri daripada cukai syarikat sebanyak 66.5 bilion ringgit dan cukai individu sebanyak 33.1 bilion ringgit. Manakala kutipan cukai setakat 31 Julai 2021 pula adalah sebanyak 63.3 bilion ringgit yang terdiri daripada cukai syarikat sebanyak 41.8 bilion ringgit dan cukai individu sebanyak 21.5 bilion ringgit.

2. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, lokasi cawangan Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (atau LHDNM) yang mengendalikan kutipan cukai pendapatan syarikat dan individu adalah berkemungkinan besar berbeza dengan tempat di mana aktiviti ekonomi pembayar cukai dijalankan atau negeri tempat tinggal sebenar pembayar cukai. Oleh itu, jumlah kutipan hasil cukai pendapatan individu dan syarikat yang dibayar kepada LHDNM di peringkat negeri **tidak** menggambarkan bahawa cukai yang dihasilkan adalah daripada sumbangan sebenar aktiviti ekonomi di negeri berkenaan.

Sekian, terima kasih.